

12/10/1997

Media Barat tidak percaya takdir

A Nazri Abdullah

PEMIMPIN tulen tidak akan meninggalkan dosa di belakangnya. Pemimpin yang berjiwa besar akan memastikan pemergiannya meninggalkan jasa yang besar bukan saja untuk dikenang dan disanjung rakyat tetapi untuk diukur oleh sejarah sebagai pengorbanan untuk negaranya. Pemimpin yang ulung tidak takut kepada rakyat dan musuh politik, tetapi sejarah. Rakyat dan musuh politik mungkin tidak mampu menghukum pemimpin ketika mereka di puncak kuasa, tetapi sejarah boleh membuat penghukuman selepas ketiadaan mereka. Sesungguhnya pemimpin yang takut kepada hukuman sejarah adalah pemimpin yang berani mempertahankan kebenaran sehingga ke akhir hayat.

Pemimpin yang berjiwa besar seperti ini tidak takut kepada kritikan dan tekanan. Mereka sedar setiap perubahan pasti ada pertentangan dan pertentangan ini adalah sebahagian daripada cabaran kepemimpinan. Mereka akan menghadapi setiap pertentangan dan tekanan dengan kebijaksanaan berpolitik yang kadangkala sukar dimengerti oleh rakyat biasa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara pemimpin berjiwa besar yang tidak takut menghadapi kritikan dan tekanan. Cubaan media asing yang mahu mengenakan tekanan ke atas Dr Mahathir adalah cubaan yang sia-sia kerana mereka tidak memahami budaya dan adat politik Malaysia. Media Barat cuba melaga-laga Dr Mahathir dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga mereka sanggup memutarbelitkan kenyataan kedua-dua pemimpin itu supaya kelihatan tidak sehaluan.

Walaupun ucapan Dr Mahathir di Hong Kong cuma satu pandangan dan cadangan, media asing melaporkannya sebagai satu keputusan atau dasar. Apabila Anwar memberi pejelasan mengenai kedudukan sebenar, mereka membuat kesimpulan Timbalan Perdana Menteri tidak sehaluan dengan ketuanya. Beberapa lagi laporan nakal dalam majalah asing jelas memperlihatkan niat mereka untuk mengeruhkan suasana politik di Malaysia. Mereka beranggapan keadaan pasaran dan ekonomi yang muram memberi peluang yang baik untuk mengenakan tekanan ke atas kepemimpinan politik Malaysia.

Adalah sesuatu yang tidak masuk akal untuk membayangkan Dr Mahathir meletak jawatan ketika negara sedang berperang di pasaran mata wang dan saham. Dr Mahathir akan dihukum oleh sejarah sebagai pemimpin yang tidak bertanggungjawab sekiranya beliau melepaskan jawatan ketika negara dan rakyat memerlukan kekuatan politik untuk menangani permasalahan ekonomi sekarang. Mengundur diri ketika negara sedang berperang bukanlah budaya dan tradisi politik Malaysia. Sokongan yang diberikan oleh komponen Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang kepada Dr Mahathir menunjukkan rakyat akan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan apabila negara menghadapi tekanan asing.

Media asing barangkali terpengaruh dengan cara berpolitik orang Jepun yang terkenal dengan sifat harakirinya. Malaysia tidak mempunyai kemewahan untuk melayani krisis politik seperti di Jepun. Politik Umno dan Malaysia masih belum mencapai kematangan seperti sistem politik di negara maju. Kalau setiap kali ada tekanan pemimpin berundur diri, negara akan menjadi lemah dan musnah.

Walaupun ada pihak di Malaysia yang turut terpengaruh dengan gelagat dan dakyah media asing, kematangan pemimpin politik Malaysia, khususnya Dr Mahathir dan Anwar menangani permasalahan ini dapat mengurangkan bahangnya di peringkat bawahan.

Seperkara yang tidak pernah dimengerti oleh media asing mengenai budaya politik Umno ialah ketentuan takdir mengatasi sebarang perancangan dan

komplot politik. Setinggi mana sekalipun seseorang itu bercita-cita menjadi Perdana Menteri dan berusaha ke arahnya, jika takdir tidak membenarkannya maka beliau tidak akan menjadi Perdana Menteri. Pada zaman Tengku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, tidak siapa yang menjangka Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri Malaysia kerana beliau pernah dipecat daripada Umno. Tun Hussein Onn tidak pernah bercita-cita menjadi Perdana Menteri sehinggalah kematian Tun Dr Ismail Abdul Rahman.

Ketika Dr Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri pelbagai usaha dilakukan untuk menyekat beliau daripada menjadi Perdana Menteri termasuk menuduh setiausaha politiknya dipengaruhi komunis. Bagaimanapun, kerana takdir sudah menentukan beliau akan menjadi Perdana Menteri, segala usaha menyekatnya gagal. Tengku Razaleigh Hamzah yang mendapat layanan istimewa pada zaman Tun Abdul Razak dan Hussein Onn melihat dirinya sebagai bakal Perdana Menteri Malaysia dan bekerja keras ke arah itu sehingga sanggup keluar Umno menubuh parti baru, tetapi kerana takdir tidak memihak kepadanya, beliau tetap kecundang.

Semua orang melihat Datuk Musa Hitam sebagai bakal pengganti Dr Mahathir sementara itu pula kedua-dua mereka sahabat karib. Musa popular bukan saja di kalangan media masa tempatan tetapi juga media masa Barat. Bagaimanapun, kerana takdir tidak memihak kepada Musa, akhirnya beliau bertukar menjadi musuh yang menentang Dr Mahathir.

Kini giliran Anwar pula menghadapi ujian. Walaupun sudah beberapa kali beliau diisytihar oleh Dr Mahathir sebagai bakal penggantinya, namun kepastiannya akan ditentukan oleh takdir. Musuh Anwar akan berusaha menjatuhkannya dengan pelbagai tekanan tetapi kerana takdir memihak kepadanya, beliau kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dr Mahathir dan Anwar menyedari hakikat ini, justeru walaupun pelbagai dakyah dilempar untuk melaga-lagakan mereka, kedua-duanya masih bekerja sebagai satu pasukan. Kesetiaan Anwar kepada Dr Mahathir tidak perlu dipersoalkan kerana orang yang benar-benar setia kepada ketua tidak takut memberi pandangan dan teguran kepada ketua. Inilah yang dilakukan oleh Anwar.

(END)